



EDISI MEI 2025

BULETIN PETALING JAYA

PETALING JAYA BANDAR RAYA *A NEXT GENERATION CITY*



IMBAS KOD QR UNTUK AKSES
BERITA PETALING JAYA
DALAM TALIAN



**MALAYSIA LANDSCAPE
ARCHITECTS AWARDS (MLAA)**

HONOUR AWARD 2024:
GOVERNMENT CATEGORY – GREEN INITIATIVES AWARDS m/s 12-13



**MALAYSIA
MADANI**



**SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS**

KITASELANGOR



**EDISI
PERCUMA**

Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia dan Mampan

www.mbpj.gov.my

[Majlis Bandaraya Petaling Jaya](#)

[pjcitycouncil](#)

Isi Kandungan

Tajuk	Muka Surat
KEAMANAN, KERUKUNAN DAN PERPADUAN PERLU DIPELIHARA	3
PENGURUSAN BENCANA DI PETALING JAYA	4-5
KOMITMEN TANGANI HAIWAN TERBIAR	6-7
PETALING JAYA BANDARAYA "A NEXT GENERATION CITY"	8-9
PELAN TINDAKAN WARGA EMAS PETALING JAYA 2030	10-11
MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTS AWARDS (MLAA) HONOUR AWARD 2024: GOVERNMENT CATEGORY – GREEN INITIATIVES AWARDS	12-13
PROGRAM 100 HARI PERTAMA: DATUK BANDAR SANTUNI WARGA PETALING JAYA	14-15
AKTIVITI-AKTIVITI AHLI MAJLIS MEI	16-23
SIDANG REDAKSI	
www.mbpj.gov.my f Majlis Bandaraya Petaling Jaya @ t v d p jcitycouncil	
PENAUNG Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon	
PENASIHAT Hjh. Haniza binti Abdul Hamid	
KETUA PENGARANG Abdul Hakim bin Khairuddin	
WARTAWAN Muhamed Azmi bin Yusoff Nor Sarina binti Lamak Mohammad Shah bin Badlishah	
JURU GAMBAR Rusdi bin Mohamed Halik Intan Khairana binti Md. Zali Salimey bin Abu Bakar	
PEREKA GRAFIK Badrul Hisham bin A. Bakar Abdul Manaf bin Zakaria Ihfaznur Ashikin binti Hj. Mohammed Arifin	
MAKLUM BALAS DAN CADANGAN HANTARKAN KEPADA Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya ☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 ✉ : media@mbpj.gov.my	



KEAMANAN, KERUKUNAN DAN PERPADUAN PERLU DIPELIHARA

SEKSYEN 52, 2 MEI - Majlis Bandaraya Petaling Jaya menyambut baik saranan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai usaha membenih dan menyemai budaya perpaduan tidak hanya terletak di bahu pemerintah sebaliknya setiap rakyat mesti memainkan peranan yang ampuh dan berterusan dalam memelihara keamanan, kerukunan serta semangat bersatu padu adalah wajar dijadikan keutamaan yang paling penting untuk dilaksanakan.

Sebarang mesej atau seruan berbau kebencian dan cubaan untuk mengapi-apikan perbezaan harus dibenam dengan sikap kasih sayang serta rahmah. Sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan rencam budaya, adalah menjadi kebiasaan dan kewajiban setiap kita untuk mengambil kesempatan dalam menyambut perayaan mengikut kepercayaan untuk mengeratkan ukhuwah antara rakyat dengan mengucapkan kata-kata yang indah buat mereka. Ini secara langsung akan

menjadikan sesuatu hubungan itu semakin harmoni dan seterusnya melahirkan sikap masyarakat yang penyayang.

Kesejahteraan negara tidak akan tercapai sepenuhnya jika aspek kesatuan tidak dijaga dan dimantapkan dengan baik. Usaha untuk memupuk kesatuan ummah dan pembentukan masyarakat majmuk boleh dilakukan melalui pelbagai cara seperti menghayati dan menekuni rukun negara dengan baik, menghayati konsep kepimpinan yang diamanahkan untuk mentadbir dan mengurus mengikut peraturan yang ditetapkan. Ia juga dapat dimantapkan apabila pemimpin dan masyarakat berperanan dalam mengamalkan dan mewujudkan keadilan dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Dalam konteks sebuah negara berdaulat yang memiliki komuniti majmuk dan berlatarbelakangkan pelbagai kaum, Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan adalah punca kuasa dan rujukan utama

dalam usaha menjamin kesejahteraan dalam kehidupan. Sikap tolak ansur, saling hormat menghormati dan tidak mengamalkan sikap penting diri sendiri seharusnya dibudayakan dengan penuh mekar seiring dengan perpaduan yang hendak dieratkan lagi.

Justeru, sebagai warga Selangor dan masyarakat Petaling Jaya yang penyayang juga bagi mengisi makna bandar paling bahagia di Malaysia, kita seharusnya menzahirkan sikap masyarakat majmuk yang amat cintakan perpaduan, keharmonian dan saling bekerjasama dalam apa jua keadaan sebagai usaha untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu untuk menentukan masa depan negara agar lebih gemilang, stabil dan aman damai. Buang yang keruh, ambil yang jernih dan tekad untuk menapak maju ke hadapan dalam membina negara yang disifatkan Baldatun Toyyibatun wa Rabbun Ghafur (negeri yang baik dan Tuhan yang Maha Pengampun).



PENGURUSAN BENCANA DI PETALING JAYA

JALAN YONG SHOOK LIN, 5 MEI Majlis Bandaraya Petaling Jaya melahirkan rasa dukacita terhadap kejadian pokok tumbang yang berlaku akibat hujan lebat dan angin ribut di Petaling Jaya baru-baru ini. Majlis telah menerima sebanyak 98 aduan kejadian pokok tumbang dan kerosakan bumbung rumah yang melibatkan kawasan Seksyen 11, Seksyen 12, Seksyen 14, Seksyen 16, Seksyen 17, Jalan Gasing dan SS 2 pada 25 Mei 2024. Sebanyak 96 kejadian pokok tumbang berlaku di kawasan awam, manakala sebanyak dua kejadian di dalam kawasan persendirian. Daripada jumlah aduan tersebut ia melibatkan 94 pokok tumbang dan 230 dahan sekah.

Kerja-kerja membuka laluan dan memotong pokok yang menghalang laluan telah dilaksanakan oleh Skuad PANTAS MBPJ bersama agensi-agensi terlibat iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bomba dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Kerja-kerja pembersihan selesai dilaksanakan sepenuhnya dalam tempoh seminggu. Anggaran kos yang terlibat dalam

kerja-kerja pembersihan ini ialah sebanyak RM 150,000.00.

Majlis mengambil perhatian serius dan langkah-langkah proaktif bagi mengurangkan risiko pokok tumbang melalui penyelenggaraan pokok secara berkala, sama ada secara dalaman (in-house) atau melalui kontraktor luar. Ia penting untuk memastikan keselamatan dan kestabilan pokok besar terutama sekali pokok yang telah berusia.

Majlis menggunakan kaedah seperti pemangkasan dahan (Crown Thinning) untuk mengurangkan dahan dan memudahkan laluan angin melalui kanopi pokok. Kanopi yang padat boleh menyebabkan 'Sail Effect' semasa angin kuat akan mengakibatkan pokok tumbang.

Pada tahun 2023, sebanyak 93,952 pokok telah diselenggara, termasuk 780 pokok oleh Jabatan Landskap dan 93,172 pokok oleh kontraktor zon. Ini termasuk menebang 2,773 pokok yang mati, rosak, condong, dan

berpenyakit serta menyelenggara dahan dan kanopi 90,399 pokok.

Manakala bagi tahun 2024, dari bulan Januari hingga Mei sebanyak 9,217 pokok telah diselenggara merangkumi kerja secara Jabatan 158 pokok serta kontraktor zon 9,059 pokok. Kerja penyelenggaraan ini merangkumi penebangan pokok yang telah mati, rosak, condong dan berpenyakit sebanyak 384 pokok dan penyelenggaraan dahan, kanopi sebanyak 8,675 pokok.

Majlis telah memperuntukkan sebanyak RM 8 juta pada tahun 2024 untuk kerja-kerja penyelenggaraan pokok Majlis.

Majlis juga turut membuat kajian dan telah mengenal pasti kawasan-kawasan *hotspot* pokok tumbang iaitu di Seksyen 14, Seksyen 16, Seksyen 17 dan SS 2. Kawasan-kawasan yang dikenal pasti ini merupakan kawasan perumahan lama yang dibina pada awal tahun 1960-an dan banyak terdapat pokok-pokok yang telah tua.



^a BERDASARKAN KETERADA SITUASI DILOKASI RENCANA



KOMITMEN TANGANI HAIWAN TERBIAR

SEKSYEN SS 2, 21 MEI- Isu-isu kacau ganggu haiwan terutama anjing terbiar merupakan antara isu dan aduan yang tertinggi diterima. Walaupun pelbagai usaha telah diambil untuk tangkapan anjing, namun aduan berhubung anjing terbiar tidak dapat ditangani dengan sepenuhnya. Ini adalah disebabkan kadar pembiakan anjing adalah cepat. Seekor anjing boleh melahirkan anak sehingga 8 ekor bagi sekali kelahiran dan berupaya untuk bunting sebanyak 2 kali setahun. Statistik kajian menunjukkan seekor anjing boleh membiak sebanyak 12,288 ekor anjing dalam tempoh 5 tahun tanpa kawalan.

Bagi menjayakan usaha ini, pihak NGO dan penyelamat bebas lain telah membelanjakan anggaran RM 300.00 hingga RM 400.00 untuk setiap ekor anjing dibawah jagaan mereka. Setakat ini sebanyak 1,200 ekor anjing telah dimandulkan oleh pihak mereka yang telah menelan belanja dalam lingkungan RM 360,000.00 hingga RM 480,000.00.

Semua kos yang terlibat seperti pemandulan, perubatan, penangkapan, pengangkutan dan lain-lain adalah ditanggung oleh mereka sendiri.

Bagi membantu pihak Majlis dalam menangani masalah anjing terbiar dengan kadar lebih cepat dan berkesan, Majlis telah bersetuju bekerjasama dengan beberapa NGO iaitu Gabungan Keperihatinan Haiwan Terbiar (Animal Kindness Coalition) dan *Paws Animal Welfare Society* (Persatuan Kebajikan Haiwan PAWS). Kerjasama di antara pihak MBPJ dan NGO yang dicadangkan adalah seperti berikut:

a) Kajian dan Perancangan: Berkolaborasi dengan MBPJ, NGO di Petaling Jaya untuk melakukan penyelidikan dan perancangan yang teliti dalam membuat tinjauan dan mendapatkan bilangan anjing terbiar yang tepat di kawasan-kawasan yang memerlukan.

b) Pendidikan dan Kesedaran: Menganjurkan bengkel dan kempen kesedaran untuk mendidik komuniti tentang kepentingan *Trap - Neuter - Release - Manage* (TNRM) dan pemilikan haiwan yang bertanggungjawab.

c) Penangkapan dan Pusat Pemandulan: Berkolaborasi dengan pihak MBPJ untuk menyediakan perkhidmatan pemandulan yang disubsidi oleh MBPJ bagi anjing yang terbiar. Memastikan bahawa pekerja MBPJ yang menangkap anjing, melakukannya dengan menggunakan jaring untuk memastikan cara penangkapan yang berperikemanusiaan.

d) Kerjasama dengan PBT: Bekerjasama rapat dengan MBPJ untuk mendapatkan kebenaran, permit, sokongan kewangan dan logistik yang diperlukan bagi pelaksanaan program dengan jayanya.





MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

مجلس بنداراي قتاليف جاي

PEMBAHARUAN LESEN ANJING SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

elesen.mbpj.gov.my

Bagi Pembaharuan Lesen Anjing Setahun, Bayaran Boleh Dibuat Secara Dalam Talian (Online) Melalui Pautan :-

elesen.mbpj.gov.my

Bagi Pembaharuan Lesen Anjing 2 tahun Atau 3 tahun, Sila 'WhatsApp'



013-941 0146

Isnin-Jumaat
8.00pg-5.00ptg

Pengambilan Tag Anjing Boleh Diambil Di Kaunter Pelesenan, Lobi Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya

Isnin-Jumaat | 8.00 pg - 5.00 ptg

KEMPEN PEMANDULAN ANJING/KUCING

- MBPJ TELAH MENGURANGAN FI LESEN UNTUK SEMUA ANJING YANG TELAH DIMANDULKAN RM30 UNTUK 3 TAHUN
- LARANGAN MEMBELA ANJING DI PERUMAHAN BERTINGKAT



JABATAN PELESENAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
DAN USAHAWAN
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Tingkat 6, Menara MBPJ, Jalan Tengah
46020 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7960 4667 Fax : 03-7960 3725



RM30
UNTUK 3 TAHUN

PETALING JAYA BANDAR RAYA

“A NEXT GENERATION CITY”

SEKSYEN 8, 15 MEI - Dalam usaha Majlis Bandaraya Petaling Jaya menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya mampan, satu perancangan pembangunan mampan untuk satu tempoh jangka masa panjang telah disediakan iaitu “Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan 2030 (PJSSR 2030)”. Petaling Jaya akan dirancang menjadi sebuah bandar raya “a next generation city” yang inklusif, terhubung, kolaboratif, berekologi, sihat, dinamik, berteknologi digital dan menjadi bandar raya berdaya tahan yang berkebolehan menguruskan kemampuannya bagi mendepani gangguan dan kejutan terhadap alam sekitar, komuniti dan ekonomi.

Pengurusan bandar raya Petaling Jaya juga akan tertumpu kepada pembangunan semula kehidupan golongan miskin bandar, menggerak inisiatif keusahawanan,

menyusun semula tenaga kerja Majlis menuju digitalisasi dan pelbagai lagi. Majlis juga akan sentiasa menyokong dan memantau usaha Kerajaan Negeri serta NGO dalam memulihkan kehidupan rakyat setempat.

Di bawah Tematik Bandar Raya Pembelajaran (Learning City) dan Bandar Raya Mesra Kanak-kanak (Child Friendly City) fokus utama yang akan diberi perhatian termasuklah pelaksanaan bantuan meningkatkan taraf sekolah sedia ada di Petaling Jaya. Bermula pada 1 November 2014, satu tabung pendidikan telah diwujudkan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan sehingga April 2024 sebanyak 46 buah sekolah di sekitar Petaling Jaya telah berjaya dibantu atau dinaik taraf oleh MBPJ dengan perbelanjaan sebanyak RM 8,343,620.87. Manakala sebanyak RM 4,761,471.70 masih dalam komitmen projek yang akan

dilaksanakan iaitu merangkumi 16 buah projek di sekolah-sekolah sekitar Petaling Jaya.

Terdapat asas pertimbangan bagi permohonan-permohonan bantuan daripada pihak sekolah iaitu asas pertimbangan Majlis bagi bantuan tabung pendidikan berdasarkan sistem skala sebagai garis panduan penilaian. Ianya bermula dari skala 1 (selesa), skala 2 (tidak selesa), skala 3 (kefungsian), skala 4 (sekuriti), skala 5 (keselamatan berdasarkan persepsi sekolah), skala 6 (keselamatan berdasarkan pengesahan daripada JPN dan PPD) dan skala 7 (keselamatan berdasarkan pengesahan dari JKR). Selain itu, kriteria permohonan juga mengambil kira faedah-faedah dalam mewujudkan persekitaran mesra kanak-kanak (child friendly city).





PELAN TINDAKAN WARGA EMAS PETALING JAYA 2030

PETALING JAYA, 17 MEI - Berdasarkan resolusi yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, penduduk warga emas di Malaysia dijangka akan meningkat 15 peratus menjelang tahun 2030. Menyedari hakikat bahawa Petaling Jaya akan turut terkesan daripada cabaran perubahan demografi warga emas tersebut, pemerkasaan warga emas menjadi keutamaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya demi kelestarian golongan ini pada masa hadapan.

Negeri Selangor kini sedang berada dalam fasa peralihan kepada populasi yang semakin berumur dan diunjurkan menjadi Negeri *Super-Aged* menjelang tahun 2040. Menurut bank dunia, negeri *Super-Aged* dikategorikan apabila sekurang-kurangnya 20 peratus daripada populasi terdiri daripada warga emas yang berumur 65 tahun dan ke atas.

Justeru, isu-isu yang melibatkan warga emas seperti kesihatan fizikal dan mental serta sumber pendapatan bulanan yang rendah dijangka memberi kesan kepada perbelanjaan awam, kebajikan


sosial dan sistem kesihatan. Kerajaan Negeri Selangor melalui Rancangan Selangor Pertama (RS-1) telah menetapkan matlamat kesejahteraan dan keterangkuman sosial sebagai satu aspek terpenting dalam fasa pembangunan Negeri Selangor. Antara 6 bidang tumpuan utama di bawah Tema Strategi 2 adalah tumpuan khas terhadap kumpulan sasar iaitu belia, warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Strategi 6 pula telah menetapkan persediaan Kerajaan Negeri dalam menangani isu negeri berpopulasi tua melalui projek, program dan inisiatif utama termasuklah dengan menyediakan Platform Pekerjaan Warga Emas Selangor, Program Penuaan Aktif Selangor, membina fasiliti persaraan dan menyediakan latihan penjaga untuk warga emas.

Selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri, MBPJ turut mengambil inisiatif untuk menyediakan Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 yang bermatlamat untuk melahirkan warga emas Petaling Jaya yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi

diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif, selamat dan bahagia dalam persekitaran yang kondusif untuk kehidupan yang lebih sejahtera dengan memberi tumpuan khusus kepada 5 bidang fokus iaitu kesihatan, ekonomi, sosial & keselamatan, pendidikan dan persekitaran.

Bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan yang berkesan terhadap Pelan Tindakan tersebut, satu pasukan yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perundingan Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 telah ditubuhkan pada 17 Mei 2024 yang berperanan sebagai "Focused Group" yang terdiri daripada pelbagai bidang kepakaran berkaitan warga emas yang akan membincangkan secara fokus mengenai isu-isu, permasalahan, kaedah penyelesaian dan ketersediaan data terhadap pelaksanaan Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030. Jawatankuasa ini juga akan bertanggungjawab dalam membuat penilaian, pemantauan dan pengukuran terhadap pelaksanaan setiap tindakan yang telah ditetapkan di dalam pelan tersebut.



1.1 BENGKEL PELAN TINDAKAN WARGA EMAS PETALING JAYA 2030

Bengkel Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 telah dianjurkan pada 25 Julai 2023 melibatkan 70 peserta yang terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk wakil agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan kerajaan negeri, wakil NGO berkaitan warga emas, wakil perantara penduduk di Petaling Jaya, Ahli-Ahli Majlis MBPJ dan kakitangan pejabat Jabatan di Majlis.

Bengkel telah dijalankan dengan jayanya secara berketenteraan dan berstruktur seperti berikut:

- Taklimat oleh Pengerah Jabatan Perancangan Pembangunan berkaitan statistik golongan warga emas, keperluan penyediaan pelan tindakan dan bidang fokus yang akan diberikan perhatian.
- Taklimat Pengerah Warga Emas + Ibu dan Cabaran oleh Pengerah Bahagian Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Perbincangan kumpulan fokus berdasarkan 5 fokus utama iaitu Kesihatan, Ekonomi, Sosial dan Keselamatan, Pendidikan dan Persekitaran. Setiap perbincangan melibatkan perengkelapan 10 dan cabaran, cadangan & strategi dan 'output' & sasaran.
- Pembentangan hasil perbincangan mengikut kumpulan.

Bengkel Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 diakhiri dengan ucapan Penutup oleh YBhg Tuan Mohamed Ashan Bin Md Amir, Mantan Datuk Bandar Petaling Jaya.



1.2 ISU DAN CABARAN



1.3 PRINSIP 'UNITED NATIONS' BAGI WARGA TUA

- INDEPENDENCE**
- Older persons should have access to adequate food, water, shelter, clothing and health care through the provision of income, family and community support and self-help.
 - Older persons should have the opportunity to work or to have access to other income-generating opportunities.
 - Older persons should be able to participate in decision-making when and at what pace withdrawal from the labour force takes place.
 - Older persons should have access to appropriate educational and training programmes.
 - Older persons should be able to live in environments that are safe and accessible to personal preferences and changing capacities.
 - Older persons should be able to reside at home for as long as possible.
- PARTICIPATION**
- Older persons should remain integrated in society, participate actively in the formulation and implementation of policies that directly affect their well-being and share their knowledge and skills with younger generations.
 - Older persons should be able to seek and develop opportunities for service to the community and to serve as volunteers in positions appropriate to their interests and capabilities.
 - Older persons should be able to form movements or associations of older persons.
- CARE**
- Older persons should benefit from family and community care and protection in accordance with each society's system of cultural values.
 - Older persons should have access to health care to help them to maintain or regain the optimum level of physical, mental and emotional well-being and to prevent or delay the onset of illness.
 - Older persons should have access to social and legal services to enhance their autonomy, protection and care.
 - Older persons should be able to utilize appropriate levels of institutional care providing protection, rehabilitation and social and mental stimulation in a humane and secure environment.
 - Older persons should be able to enjoy human rights and fundamental freedoms when residing in any shelter, care or treatment facility, including full respect for their dignity, beliefs, needs and privacy and for the right to make decisions about their care and the quality of their lives.
- SELF-FULFILLMENT**
- Older persons should be able to pursue opportunities for the full development of their potential.
 - Older persons should have access to the educational, cultural, spiritual and recreational resources of society.
- DIGNITY**
- Older persons should be able to live in dignity and security and be free of exploitation and physical or mental abuse.
 - Older persons should be treated fairly regardless of age, gender, racial or ethnic background, disability or other status, and be valued independently of their economic contribution.




1.4 AGENDA PERBANDARAN BAHARU BERKAITAN PEMERKASAAN WARGA EMAS

- NUA 20** Kami menyedari keperluan untuk memberi perhatian khusus kepada **menangani pelbagai bentuk diskriminasi** yang dihadapi oleh, antara lain, wanita dan kanak-kanak perempuan, kanak-kanak dan belia, orang kurang upaya, mereka yang hidup dengan HIV / AIDS, **warga tua**, penduduk asal dan masyarakat tempatan, sehingga dan pengikut pemertanian tidak rasmi, orang yang suda tempat tinggal, pekerja, petani, pekebun kecil dan nelayan, pelarian, pelarian yang pulang dan pelarian dalam negara, dan pendatang, tanpa mengira status migrasi.
- NUA 34** Kami komited untuk **menggalakkan akses yang saksama** dan berpatutan kepada infrastruktur fizikal dan sosial asas yang mampan untuk semua, tanpa diskriminasi, termasuk tanah mampan milik, perumahan, tenaga moden dan tenaga boleh diperbaharui, air mampan dan sanitasi yang selamat, makanan berkhasiat dan mencukupi, pelupuan ssa, mobiliti mampan, penjagaan kesihatan dan perancangan keluarga, kebudayaan, dan teknologi maklumat dan komunikasi. Kami juga komited untuk memastikan bahawa **perkhidmatan ini adalah responsif** kepada hak-hak dan keperluan wanita, kanak-kanak dan remaja, **warga tua** dan orang kurang upaya, pendatang, penduduk asal dan masyarakat tempatan yang sesuai, dan lain-lain yang berada di dalam keadaan lemah. Dalam hal ini, kami menggalakkan penghapusan halangan undang-undang, institusi, sosio-ekonomi, atau fizikal.
- NUA 42** Kami menyokong **kerajaan sub-nasional dan tempatan**, sebagaimana yang sesuai, dalam memenuhi peranan penting mereka dalam mengukuhkan antara muka di kalangan semua pihak berkepentingan, yang menawarkan peluang untuk berdialog, termasuk melalui pendekatan responsif umur dan jantina, dan dengan perhatian khusus kepada sumbangan yang berpatutan daripada semua lapisan masyarakat, termasuk lelaki dan wanita, kanak-kanak dan belia, **warga tua** dan orang kurang upaya, penduduk asal dan masyarakat tempatan, pelarian dan pelarian dalaman dan pendatang, tanpa mengira status penghijrahan, dan tanpa diskriminasi berdasarkan bangsa, agama, etnik atau status sosio-ekonomi.
- NUA 62** Kami komited untuk **menangani implikasi sosial, ekonomi dan ruang penduduk berbilang**, di mana berkenaan, dan memanfaatkan **faktor pemacu** sebagai satu peluang untuk pekerjaan baharu yang baik dan pertumbuhan ekonomi yang berkesanan, inklusif dan mampan, di samping meningkatkan kualiti hidup penduduk bandar.
- NUA 134** Kami akan menyokong **dasar yang berkesanan dan kapasiti yang membolehkan sub-nasional dan kerajaan tempatan** untuk mendaftar dan menyelaraskan pendataan potensi mereka, seperti melalui kadaster pelbagai guna, cukai tempatan, yuran dan caj perkhidmatan, selaras dengan dasar-dasar negara, manakala memastikan wanita dan kanak-kanak perempuan, kanak-kanak dan remaja, **warga tua**, orang kurang upaya, Orang Asli dan masyarakat tempatan, dan li rumah miskin tidak terjejas.
- NUA 148** Kami akan **menggalakkan penguatkuasaan kapasiti peringkat kebangsaan, sub-nasional, dan kerajaan tempatan**, termasuk peranan kerajaan tempatan, sebagaimana yang sesuai, bagi berkhidmat untuk wanita dan gadis, kanak-kanak dan remaja, **warga tua** dan orang kurang upaya, Orang Asli dan masyarakat tempatan, dan golongan rentan dan juga dengan masyarakat awam, ahli akademik, dan institusi penyelidikan dalam membentuk proses tadbir urus organisasi dan institusi, membolehkan mereka untuk menyertai secara berkesan dalam membuat keputusan berkenaan pembangunan bandar dan wilayah.
- NUA 155** Kami akan **menggalakkan inisiatif pembangunan kapasiti untuk memperkasa dan mengukuhkan kemahiran dan kebolehan** wanita dan kanak-kanak perempuan, kanak-kanak dan remaja, **warga tua** dan orang kurang upaya, Orang Asli dan masyarakat tempatan, dan juga golongan rentan untuk membentuk proses tadbir urus, terlibat dalam dialog, dan mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dan anti-diskriminasi, untuk memastikan penyertaan mereka secara berkesan dalam membuat keputusan berkaitan pembangunan bandar dan wilayah.
- NUA 156** Kami akan **menggalakkan pembangunan dasar teknologi maklumat dan komunikasi kebangsaan dan strategi e-kerajaan** dan juga sebagai alat tadbir digital bertumpuan khidmat warganegara, memanfaatkan inovasi teknologi, termasuk program pembangunan kapasiti, untuk membolehkan maklumat dan komunikasi teknologi mudah diakses oleh awam, termasuk wanita dan kanak-kanak perempuan, kanak-kanak dan belia, orang kurang upaya, **warga tua** dan golongan rentan, untuk membolehkan mereka membangun dan menjalankan tanggungjawab sivil, memperluaskan penyertaan dan mampan tadbir urus yang bertanggungjawab, serta meningkatkan kecakapan. Penggunaan platform dan alat-alat digital termasuk sistem maklumat geospasial akan dipalakkan untuk menambah baik perancangan jangka panjang yang bersepadu untuk bandar dan wilayah dalam reka bentuk, pertadbiran dan pengurusan tanah, dan akses kepada perkhidmatan bandar dan metropolitan.

1.5 SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGs) BERKAITAN PEMERKASAAN WARGA EMAS

- SDG 2.2** By 2030 **END ALL FORMS OF MALNUTRITION**, including achieving by 2025 the internationally agreed targets on stunting and wasting in children under five years of age, and address the nutritional needs of adolescent GIRLS, PREGNANT AND LACTATING WOMEN, and **older persons**
- SDG 4.7** By 2030 ensure all learners acquire knowledge and skills needed to promote sustainable development, including among others through **EDUCATION FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT** and sustainable lifestyles, human rights, gender equality, promotion of a culture of peace and nonviolence, **global citizenship**, and appreciation of cultural diversity and of culture's contribution to sustainable development
- SDG 11.2** By 2030, provide access to safe, affordable, accessible and **SUSTAINABLE TRANSPORT SYSTEMS** for all, improving road safety, notably by expanding **PUBLIC TRANSPORT**, with special attention to the needs of those in vulnerable situations, women, children, persons with disabilities and **older persons**
- SDG 11.7** By 2030, provide universal access to safe, inclusive and accessible, **GREEN AND PUBLIC SPACES**, particularly for women and children, **older persons** and persons with disabilities.

1.6 DASAR - DASAR PERINGKAT PERSEKUTUAN, NEGERI DAN TEMPATAN BERKAITAN WARGA EMAS



MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTS AWARDS (MLAA)

HONOUR AWARD 2024: GOVERNMENT CATEGORY – GREEN INITIATIVES AWARDS

KELANA JAYA, 11 MEI - Menyedari hakikat akan peranan dan tanggungjawab Majlis dalam menyediakan kemudahan aktiviti riadah untuk meningkatkan kesejahteraan hidup kepada masyarakat, Majlis telah menyediakan kemudahan rekreasi di Taman Aman secara *interconnected* bagi mengimbangi kehijauan alam sekitar dan menampung keperluan rekreasi rakyat berasaskan kepada reka bentuk sejagat (Universal Design) yang lebih mampan, inklusif dan dinamik, selari dengan matlamat dan hala tuju Pelan Strategik PJSSR 2030.

Untuk mencapai matlamat ini, Majlis telah melaksanakan inisiatif yang bertujuan untuk mewujudkan ruang awam yang lebih mudah diakses dan inklusif untuk individu Orang Kurang Upaya (OKU).

Program ini selaras dengan hasrat dan perancangan Majlis yang telah memperakui bahawa Taman Aman adalah sebuah taman awam pertama di Petaling Jaya yang dibangunkan sebagai contoh taman yang menerapkan konsep reka bentuk universal dan persekitaran bebas halangan untuk dinikmati semua pengguna yang lengkap dengan kemudahan OKU berdasarkan keperluan reka bentuk taman sejagat dan penyelesaian bagi mengatasi ketidaksempurnaan kawasan lapang untuk OKU.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima anugerah pengiktirafan bertaraf Anugerah MLAA Honour Award 2024 bagi 'Government Category – Green Initiatives Awards' melalui Projek bertajuk *Inclusive Park for People with Disabilities* (PWDs).

Kejayaan ini merupakan hasil penglibatan semua pemain industri landskap seperti Pihak Berkuasa Tempatan, perunding, kontraktor dan komuniti di dalam memperkemaskan sistem jaringan landskap di kawasan pentadbiran Petaling Jaya.

Anugerah yang telah dirangkul ini juga menjadi nilai tambah dan pengiktirafan kepada satu kejayaan dan usaha Majlis di dalam merealisasikan Petaling Jaya sebagai Bandar Taman Terindah dengan diimbangi oleh persekitaran yang hijau, diurus baik, bersih dan indah, mempunyai ruang fizikal luaran yang unik, beridentiti serta berkualiti; bahkan memenuhi kriteria sebagai Bandar Rendah Karbon.



MLAA15 AWARD GALA 2025

24.05.2025 (Sat) | Renaissance Kuala Lumpur | 7pm





PROGRAM 100 HARI PERTAMA: DATUK BANDAR SANTUNI WARGA PETALING JAYA

JALAN YONG SHOOK LIN, 29 MEI - Pada 10 Mei 2024 genap 100 hari. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon menjawat jawatan sebagai Datuk Bandar Petaling Jaya setelah dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor pada 1 Februari 2024 yang lalu.

Secara keseluruhannya sepanjang 100 hari ini sebanyak 56 projek signifikan dengan pencapaian pelaksanaan sebanyak 82% tercapai. Projek signifikan ini terbahagi kepada projek selesai dan projek dalam tindakan. Projek-projek ini telah menyumbang kepada pencapaian 10 *thematic project* Petaling Jaya *Smart, Sustainable & Resilient 2030* (PJSSR 2030), 4 Teras Rancangan Selangor Pertama (RS-1), 6 Prinsip Malaysia MADANI dan 17 *Sustainable Development Goals* (SDGs). 31 daripada 56 program telah selesai dan baki 25 program masih dalam pemantauan berjadual. Antara projek signifikan yang telah selesai dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Sistem *Smart Billboard*.
2. Pelancaran Program Jalanan Kasih 3R PJKita.
3. *Customers Feedback System* (CFS).
4. Pelan Tindakan Inovasi MBPJ
5. *Recycle and Redeem* Caj Beg Plastik MBPJ.

Manakala, bagi projek signifikan yang masih dalam pemantauan berjadual antaranya seperti berikut:

1. *PJ City Food Valley*.
2. *Voluntary Local Review* dan *SDGs City Road Map*.
3. Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya.
4. Projek Pelan Induk Pengangkutan Petaling Jaya.

Pencapaian ini telah kita kongsi bersama pemegang taruh iaitu Majlis Perwakilan Penduduk, Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, Agensi Kerajaan, Pemaju, Pemilik Komersial / Industri, Komuniti Usahawan, Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) dan lain-lain dalam Program 100 Hari Pertama: Datuk Bandar Santuni Warga Petaling Jaya telah diadakan pada 23 Mei 2024 di Dewan Banquet MBPJ.

Komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan merupakan elemen terpenting yang akan terus diberdayakan bagi mencapai iltizam dan hasrat Kerajaan Negeri ke arah kemajuan yang lebih pesat dan makmur terutamanya di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.





15



 Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia & Mampan
 🌐 www.mbpj.gov.my 🗣️ Majlis Bandaraya Petaling Jaya 📞 📧 📺 📻 pjcycouncil

Jabatan Pelesenan Pembangunan
Perniagaan dan Usahawan,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya



Aktiviti-aktiviti

Ahli
Majlis
MBPJ
mei

▶ PROGRAM HIKING & PLOGGING 2025 • 1 MEI 2025, KOTA DAMANSARA



▶ JAMUAN AIDILFITRI TERLAJAK RAYA • 4 MEI 2025, PETALING UTAMA



KEJOHANAN BOLING MPP ZON 22 VS MPP ZON 23 • 11 MEI 2025, SUBANG JAYA



EXERCISE GROUP VISIT WITH YB LIM YI WEI • 13 - 21 MEI 2025, SS 2



SESI PICKLEBALL BERSAMA PENDUDUK SS 2 • 14 & 15 MEI 2025, SS 2/57



SESI RONDA MALAM PENDUDUK SS 2 • 15 MEI 2025, SS 2



PROGRAM SARINGAN KESIHATAN • 17 MEI 2025, KELANA JAYA



PROGRAM ECO FREE MARKET • 17 MEI 2025, SG. WAY



PROGRAM SENAMROBIK DAN KUTIPAN MINYAK MASAK TERPAKAI • 18 MEI 2025, KELANA JAYA



PROGRAM MESRA KOMUNITI ZON 24 • 18 MEI 2025, KG. LINDUNGAN



RUMAH TERBUKA GEMPAK RAYA 2025 • 19 MEI 2025, PJS1



PROGRAM GOTONG-ROYONG, KEBERSIHAN AMALAN BERSAMA • 25 MEI 2025, KELANA JAYA



GOTONG-ROYONG PERDANA PERSATUAN KIOS MARA • 31 MEI 2025, TAMAN DATO' HARUN



PROGRAM ZIARAH KASIH ZON 18 • 31 MEI 2025, PETALING JAYA SELATAN



SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

SISPAA

 <https://mbpj.spab.gov.my>

HOTLINE ADUAN

 03-7954 2020

BILIK GERAKAN BENCANA

 03-7957 4113 Beroperasi 24 Jam

DATANG SENDIRI / KAUNTER

 Seksyen Aduan Awam,
Tingkat Bawah,
Bangunan Annex MBPJ,
Jalan Yong Shook Lin,
46675 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan



**SILA IMBAS
KOD QR INI
UNTUK KE
LAMAM WEB
SISPAA MBPJ**

**APLIKASI
TELEFON PINTAR**



**Respons
Rakyat**



ANDROID



iOS



DITERBITKAN OLEH:

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Jalan Yong Shook Lin
46675 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBPJ